

22 MAC 2023 | PROGRAM WACANA INTEGRITI BERTAJUK “AMANAH DALAM PEKERJAAN”

Unit Integriti INSTUN telah menganjurkan Program Wacana Integriti yang bertajuk Amanah Dalam Pekerjaan bertempat di Dewan Kuliah Utama INSTUN. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan serta perkongsian berkaitan amanah setiap penjawat awam dalam menjalankan tugas dengan berintegriti serta amalan yang perlu dielakkan daripada menerima serta memberi rasuah.

Penceramah jemputan ialah PsK Ahmad Syamil Bin Ahmad Shuhaimi, Pegawai Siasatan dari Unit Integriti, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC).

Semoga perkongsian ceramah pada kali ini dapat memberi kesedaran kepada warga INSTUN agar menjadi seorang penjawat awam yang berintegriti dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan.





